

# Persisi anjur peraduan silat secara besar-besaran

31 JAN 1978

**P**ERSEKUTUAN Silat Singapura akan menganjurkan buat kali pertama satu pertandingan silat Pesta Sukan mengikut kumpulan umur pada Ogos tahun ini.

Menurut setiausahanya, Encik Johari Uriff, pertandingan mengikut kumpulan umur ini adalah untuk lelaki dan wanita — jika bilangan wanita yang menyertai kejohanan ini mencukupi.

Pertandingan ini akan dijalankan secara besar-besaran dan ia merupakan salah satu dari tiga projek besar yang akan dijalankan oleh persekutuan itu tahun ini.

Dua projek besar lain yang akan dijalankan ialah mengadakan lawatan kajian ke Malaysia pada Jun depan dan kerja-kerja memajukan lagi pasukan gamelannya.

## Mengkaji

Mengenal pertandingan silat Pesta Sukan itu, Encik Johari menerangkan bahawa tiga kumpulan umur bagi lelaki akan dijalankan dalam kejohanan yang akan ditentukan tarikh dan tempatnya itu.

Kumpulan - kumpulan umur itu ialah antara 8-12 tahun, 13-18 tahun dan 18 tahun ke atas.

"Untuk bahagian wanita pula, pertandingan untuk kumpulan umur yang sama juga akan dijalankan sekiranya kami mendapat penyertaan yang mencukupi.

"Tetapi jika keadaan sebaliknya pula, mereka akan bertanding dalam satu kumpulan terbuka.

"Ini adalah kali pertama kami menjalankan pertandingan kumpulan umur ini demi menarik lebih ramai lagi peserta untuk kejohanan ini," katanya.

Rombongan kajian Persisi ke Malaysia pada Jun ini pula akan mengkaji dan mendalami selok-belok silat serantau.

Rombongan ini dijangka akan mengadakan lawatan ke Kelantan

## Dua orang 'pahlawan' tunjuk kegagahan

**D**UA pahlawan ini (gambar atas) sedang menunjukkan kegagahan masing-masing dalam satu persembahan silat yang diadakan di Balai Rakyat Anson Sabtu lalu.

Pertunjukan seni silat itu diadakan sempena dengan perasmian Gelanggang Silat Kuningan Cerbon Timoer oleh Perkumpulan Belia Anson Singapura di balai tersebut.

Turut menyerikan perasmian gelanggang silat itu ialah persembahan tarian Jawa dari kumpulan belia Anson. Persembahan pada malam itu diselingkan dengan sumbangan dari kumpulan seni silat Queenstown.

● **GAMBAR** oleh Mazlan Badron menunjukkan salah satu persembahan silat sempena dengan perasmian Gelanggang Silat Kuningan Cerbon Timoer.

## Kemuning anjur silat Bandangan Asli

SEKSI Silat Persatuan Kemuning kini membuka pintunya kepada mereka yang berminat mengikuti latihan silat Bandangan Asli di bawah bimbingan seorang guru silat tempatan.

Tidak ada sekatan umur atau jantina dikenakan dan semua yang berminat boleh menghubungi pengerusi Seksi Silat Kemuning di alamat Blok 146, 364F, Lorong 2, Toa Payoh.

Selain dari kegiatan silat yang akan ditubuhkan itu, Kemuning juga menawarkan penglibatan bella dalam bidang drama, kesenian dan tarian serta pasukan hadrah.

## Peluang belia2 belajar seni silat kini dibuka

13 FEB 1978

**P**ARA belia yang berminat untuk mempelajari seni silat dan lebih-lebih lagi yang tinggal dalam kawasan sekitar Anson boleh berbuat demikian di Balai Rakyat Anson di Maxwell Road.

Dalam dua bulan yang lepas kira-kira 45 orang belia termasuk perempuan telah gigh mengikuti kelas-kelas silat di balai itu.

Di bawah kelolaan Guru Silat, Encik Basri Alang, me-

reka telah menjalani latihan dari 7.30 hingga 10.00 malam pada setiap Khamis dan Ahad malam.

Ketangkasan dan kecekapan mereka telah dapat dilihat dalam acara Perasmian Gelanggang Silat Kuningan Belia Anson yang berlangsung pada Sabtu malam minggu lepas.

Walaupun mereka baru mula melibatkan diri dalam seni itu dalam dua bulan yang lalu te-

tapi persembahan mereka adalah memuaskan.

BELIA Anson selain dari menganjurkan kelas silat juga bergiat dalam berbagai bidang lain yang menampung minat para belia hari ini.

Antaranya ialah bengkel - bengkel drama, dan juga di bidang penulisan di mana ceramah dan latihan sering dijalankan untuk mengasah bakat - bakat belia ke arah kegiatan yang sihat.